



# KENYATAAN AKHBAR PRESS RELEASE

## KISAH BANDAR LESTARI: PAVILION MALAYSIA FOKUS KEPADA BANDAR RENDAH KARBON BAGI MINGGU KE-5 EKSPLO DUBAI 2020

**31 Okt 2021, Dubai** – Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) secara rasminya telah melancarkan Minggu ke-5 penyertaannya dalam Ekspo Dubai 2020 yang berlangsung dari 31 Oktober hingga 6 November 2021 melalui majlis perasmian yang diadakan di Pavilion Malaysia. Minggu ke-5 yang bertemakan Bandar Rendah Karbon dimulai dengan penganjuran *Climate Change Conversations* (CCC) – merupakan forum yang diperkenalkan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) pada 2019 sebagai platform bagi pemimpin korporat melalui perkongsian mengenai inisiatif mitigasi perubahan iklim.

Forum CCC yang merangkumi topik Bandar Lestari bertujuan untuk mempamerkan usaha dan pembangunan kemajuan Malaysia dalam membina bandar rendah karbon pintar ke arah masa depan yang lestari melalui perkongsian pengalaman serta amalan terbaik daripada bandar lestari terkemuka dunia, serta mengenai peluang dan cabaran dalam membangunkan strategi pengurangan karbon. Forum itu digarab untuk mencapai sasarannya melalui program seperti lawatan ke *Sustainable City Dubai* dan sesi '*Business Matching*' untuk memupuk kerjasama antara syarikat Malaysia dan negara-negara yang mengambil bahagian di Expo 2020 Dubai.

Encik Jamalullail Abu Bakar, Ketua Delegasi Malaysia untuk Minggu ke-5, dalam ucapannya pada majlis perasmian, berkata, "Secara global, bandar menyumbang kepada 70% pelepasan GHG global serta 60% penggunaan tenaga global. Justeru, pembangunan bandar rendah karbon lestari mampu memupuk pengurangan permintaan dan penggunaan tenaga serta pelepasan GHG daripada bandar. Menurut Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), kadar pembandaran Malaysia telah meningkat daripada 74.3% pada 2015 kepada 77.2% pada 2020. Dianggarkan menjelang tahun 2040, kira-kira 85% daripada jumlah penduduk akan menetap di kawasan bandar. Untuk mencapai bandar yang mampan dan boleh didiami, pembangunan bandar lestari adalah strategi utama di bawah RMK-12".

"Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) telah terlibat dalam mempromosikan inisiatif Bandar Rendah Karbon melalui pelaksanaan Low Carbon Cities Framework (LCCF) dan Geran Pemangkin Bandar Rendah Karbon (GeRAK). Dari segi polisi dasar, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan Pelan Induk Bandar Rendah Karbon Nasional (NLCCM) pada Julai 2021 untuk mengubah bandar Malaysia ke arah bandar rendah karbon melalui pendekatan bersepadu dan sistematik. NLCCM telah mengenal pasti strategi utama dan bandar sasaran untuk mencapai matlamat pengurangan karbon yang bercita-cita tinggi menjelang 2050", tambahnya.

Minggu ke-5 menawarkan pelbagai perbincangan meja bulat dan sesi perkongsian bersama pakar terkemuka yang menampilkan seperti Datuk Bandar Kuala Lumpur, Bandaraya Masdar dan Sweden menerusi *Climate Change Conversation on Sustainable Cities* dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) dan Majlis Perbandaran Sepang (MPSpg) menerusi *Seminar: Accelerating Low Carbon Cities Towards Sustainable Future* yang akan disiarkan secara langsung di laman Facebook KASA dan MGTC pada 1hb Nov 2021. Sebanyak 10 Pihak Berkuasa Tempatan, 8 syarikat, Kerajaan Persekutuan dan Negeri dengan lebih 100 delegasi dijangka mengambil bahagian dalam program selama seminggu itu.

Program KASA di Pavilion Malaysia boleh ditonton secara langsung melalui laman Facebook KASA dan MGTC. Untuk mengetahui lebih lanjut, layari [www.malaysiaexpo2020.com](http://www.malaysiaexpo2020.com)

**-Tamat-**

### **Mengenai Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC)**

Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC) adalah merupakan agensi Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) yang diberi mandat bagi memacu negara di dalam skop Pertumbuhan Hijau, pemerkasaan tindakan iklim dan Pembudayaan Amalan Hijau.

Peranan utama MGTC sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi hijau adalah berpandukan kepada tiga polisi kebangsaan, Dasar Teknologi Hijau Negara (NGTP), Dasar Perubahan Iklim Negara (NCCP) dan Pelan Induk Teknologi Hijau (GTMP).

MGTC melaksanakan inisiatif dan program yang memberikan perincian khusus dalam mencapai impak jangka panjang kepada Nationally Determined Contribution (NDC) untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah kaca sebanyak 45% berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding intensiti pelepasan pada tahun 2005 menjelang 2030, meningkatkan kadar KDNK daripada teknologi hijau sebanyak RM100 Billion dan penjanaaan sebanyak 230,000 peluang pekerjaan hijau.

Inisiatif dan program MGTC memberi perincian khusus dalam mencapai impak jangka panjang kepada Nationally Determined Contribution (NDC) untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah kaca sebanyak 45% berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding intensiti pelepasan pada tahun 2005 menjelang 2030, meningkatkan kadar KDNK daripada teknologi hijau sebanyak RM100 Billion dan penjanaaan sebanyak 230,000 peluang pekerjaan hijau.

#### **Perhubungan Media, sila hubungi:**

Intan Syazwani Isa

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat

Email: [intan@mgtc.gov.my](mailto:intan@mgtc.gov.my)

Telefon: +60 12-7023110